

09 MAY 2001

Hishammuddin-Belia

PENGISIAN PROGRAM RAKAN MUDA DITAMBAH, KATA HISHAMMUDDIN

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Program Rakan Muda akan dipergiatkan dengan menambah pengisian dalam program-program yang akan dilaksanakan, kata Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Katanya beliau akan mengumumkan butiran pengisian program itu selepas Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) diluluskan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Pengisian program adalah berdasarkan kepada maklumat balas yang diterima daripada belia dan beliawanis yang juga akan melaksanakan sendiri program berkenaan, katanya pada persidangan media mengenai perayaan Hari Belia Negara 2001 peringkat kebangsaan di kementerian itu di sini hari ini.

Hishammuddin berkata sebelum ini imej dan pendekatan baru program Rakan Muda diperkenalkan pada Oktober tahun lalu.

Beliau berkata penubuhan pusat-pusat Rakan Muda di setiap daerah yang tergendala akibat kegawatan ekonomi akan diteruskan melalui RMK8.

Katanya, penubuhan pusat-pusat itu telah dikenalpasti berserta dengan kemudahan yang ingin diwujudkan.

"Saya berharap ia dapat mengatasi persepsi negatif berkaitan program Rakan Muda khususnya di peringkat akar umbi," kata beliau.

Mengenai perayaan Hari Belia, Hishammuddin berkata tema yang dipilih tahun ini "Kesukarelaan Pemangkin Perpaduan" sesuai dengan pengisytiharan tahun 2001 sebagai Tahun Kesukarelaan Antarabangsa.

"Belia merupakan golongan terbesar di negara ini. Justeru itu, penglibatan, pemahaman dan tindakan belia akan mendatangkan kesan dan membawa pengaruh yang besar terhadap negara," katanya.

Perhimpunan sempena perayaan tersebut kali ini diadakan di Stadium Perak, Ipoh yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 15 Mei ini.

Turut diadakan ialah Pesta Belia Antarabangsa Malaysia pada 10 Mei hingga 16 Mei di kawasan rekreasi Gunung Lang, Ipoh dan Khemah Kerja Sukarelawan Belia pada 13 Mei hingga 16 Mei di Kem Wajati, Ulu Chepor, Chemor, Perak.

Katanya kemuncak perayaan ialah Anugerah Belia Negara iaitu pengiktirafan kerajaan terhadap individu dan organisasi belia tempatan dalam memberi sumbangan kepada pembangunan belia di negara ini.

-- BERNAMA

FA ZS AKD